



PROSEDUR PERMOHONAN PERMIT DI  
*BILLBOARD* PROMOSI  
POLITEKNIK MELAKA

Disediakan Oleh:

JABATAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR  
POLITEKNIK MELAKA

## PERMIT IKLAN DAN BUNTING

### Pengenalan

Promosi bermaksud apa-apa pemberitahuan, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan, ditunjukkan atau didirikan bagi maksud memberitahu pelajar mengenai apa-apa organisasi, tempat, premis, peristiwa, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain di atas **Billboard** Promosi PMK.

Permohonan permit menggantung kain rentang (banner) di **Billboard** Promosi PMK di gariskan bagi memastikan semua pihak mengikut prosedur yang ditetapkan dan semua aktiviti yang dilaksanakan akan mencapai objektif yang ditetapkan dan memanfaatkan kepada golongan sasar.

### Cara Memohon

- 1) Borang boleh didapati di Kaunter JHEPP Politeknik Melaka.
- 2) Borang yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama satu (1) salinan gambar/visual/lakaran kain rentang (banner) yang akan digantung.
- 3) Borang Permohonan Permit yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan di Kaunter JHEPP selewat-lewatnya 3 hari sebelum program diadakan.
- 4) Pihak urusetia berhak menolak permohonan walaupun ia telah diluluskan sekiranya didapati visual iklan tersebut tidak sesuai dan melanggar peraturan serta syarat PMK.


### Garis Panduan

1. Pemohon hendaklah mematuhi garis panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi pemasangan kain rentang di **Billboard** Promosi. Pemohon tidak dibenarkan untuk memasang iklan sebelum kelulusan diberikan.
2. Saiz Kain Rentang mestilah berukuran 3' x 10'.
3. Pihak pemohon perlu menggantung sendiri kain rentang selepas mendapat kebenaran dari urusetia. Aspek keselamatan adalah di bawah tanggungjawab sendiri.
4. Semua kain rentang yang diluluskan perlulah ditampal PELEKAT (**STICKER**) yang akan dibekalkan oleh pihak urusetia selepas mendapat kelulusan.
5. Semua Kain Rentang HANYA boleh digantung di **Billboard** Promosi PMK sahaja.
6. Tempoh maksimum pemasangan adalah selama **3 minggu** sahaja.
7. Selepas tamat tempoh kelulusan, pemohon hendaklah menurunkan kain rentang tersebut selewat-lewatnya **2 hari** selepas tempoh kelulusan.
8. Contoh Lakaran **Billboard** Promosi PMK. Rujuk Lampiran A.

### Hubungi

Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar  
Politeknik Melaka  
No Tel : 06-3376054/8

Disahkan Oleh



(HJ.ABDUL AZIZ BIN ABU BAKAR)

Pengarah  
Politeknik Melaka

Tarikh: 1.12.2016

# LAKARAN TEMPAT *BILLBOARD* PROMOSI POLITEKNIK MELAKA

10 kaki

The billboard layout consists of three horizontal banners stacked vertically within a frame that is 10 feet wide and 10 feet high. Each banner is 3 feet high. The top banner is orange and white, the middle is dark brown, and the bottom is blue and white.

**POLITEKNIK MALAYSIA MELAKA**

**MINGGU SUAI KENAL  
PELAJAR BARU POLITEKNIK MELAKA  
SESI DISEMBER 2011  
18 - 24 DIS 2011**  
Anjuran : JABATAN HAL EHWAL & PEMBANGUNAN PELAJAR

**MAJLIS ANUGERAH  
KECEMERLANGAN PELAJAR KE 14  
2 NOVEMBER 2012**  
D' VILLAGE , AYER KEROH  
MELAKA  
Jawatankuasa Pemaklilan Pelajar ( JPP )  
Jabatan Hal Ehwai  
dan Pembangunan Pelajar ( JHEPP )

**KEJOHANAN FUTSAL PMK**  
Tarikh : 23 Julai 2011 (Sabtu)  
bertempat di  
Sport Arena, Klebang, Melaka  
anjuran  
Jabatan Hal Ehwai dan Pembangunan Pelajar, Jabatan Sukan, Ko-Kurikulum dan Kebudayaan

3 kaki  
3 kaki  
3 kaki  
10 kaki

Disahkan Oleh

*Hj. Abdul Aziz Bin Abu Bakar*

(HJ.ABDUL AZIZ BIN ABU BAKAR)

Pengarah

Politeknik Melaka

Tarikh: 1.12.2016